

BN kaji baik buruk letak Ghani untuk lawan Kit Siang
Malaysian Insider
April 9, 2013
Oleh Syed Jaymal Zahiid

KUALA LUMPUR, 9 April — Barisan Nasional (BN) melihat kemungkinan untuk meletakkan Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman untuk berhadapan dengan Penasihat DAP Lim Kit Siang kata timbalan pengerusi gabungan pemerintah itu, Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini.

Timbalan presiden Umno itu juga mengatakan sokongan akar umbi kepada cadangan tersebut adalah positif dan mendakwa Lim tidak menjangkakan ini dan beliau "sedang terperangkap di sana", mencadangkan ahli parlimen veteran itu akan kalah dikubu kuat BN itu.

"Kami mengambil kira pandangan dari semua pihak kerana kita perlu kaji dengan lebih lanjut kerana terdapat pro dan kontra," kata Muhyiddin (gambar) kepada pemberita selepas memberikan hadiah kepada pelajar yang mendapat keputusan SPM di sini.

"Kami mendapat banyak reaksi dari akar umbi, ini adalah sesuatu yang Kit Siang tidak jangkakan. Kami melihat dia terperangkap di situ," tambah beliau.

Timbalan perdana menteri kerajaan sementara itu walau bagaimanapun mengatakan, ianya bergantung kepada pengerusi BN Datuk Seri Najib Razak untuk membuat keputusan sama ada langkah tersebut baik untuk gabungan tersebut.

"Sudah tentu terpulang kepada keputusan pengerusi BN," katanya.

Sumber dalaman memberitahu, Datuk Seri Chua Soi Lek telah disuruh untuk berhadapan dengan Lim Kit Siang di Gelang Patah akan tetapi presiden MCA itu menolak tawaran tersebut menyebabkan Barisan Nasional (BN) perlu memikirkan semula calon mereka untuk pertempuran terhangat di negeri Umno itu.

The Malaysian Insider difahamkan, MCA mencadangkan Abdul Ghani untuk melawan penasihat DAP itu tetapi kemarahan pengundi Melayu dan pengundi Cina yang kuat menyokong pembangkang mungkin akan mengagalkan rancangan itu.

"Sesetengah di bilik perang BN merasakan ianya akan menjadi perlawanan hebat dan Dr Chua cukup kuat untuk berhadapan dengan Kit, akan tetapi presiden MCA itu mengatakan tidak," kata seorang sumber dari BN kepada The Malaysian Insider, merujuk kepada pemimpin pembangkang veteran itu.

Pakatan Rakyat (PR) mengumumkan bulan lalu Lim akan bertanding di kerusi Gelang Patah, satu langkah pakatan pembangkang untuk menambahkan kerusi parlimen di Johor. Dr Chua dicabar oleh DAP untuk berhadapan dengan Lim akan tetapi presiden MCA itu menolak cabaran tersebut minggu lepas.

MCA sebelum ini menamakan ketua bahagian Jason Teoh untuk bertanding di kerusi parlimen tersebut yang dimenangi oleh Ketua Wanita MCA Tan Ah Leng dalam Pilihan Raya 2008 apabila beliau mengalahkan Zaliha Mustafa dari PKR dengan 8,851 undi.

Dr Chua telah mengatakan penyandang kerusi dan penyokongnya adalah diantara sebab

mengapa beliau tidak bertanding di situ, pandangan yang dipersetujui oleh Muhyiddin hari ini.

Musuh politik lama Lim, perdana menteri paling lama berkhidmat Tun Dr Mahathir Mohamad mengatakan langkah berpindah dari Ipoh Timur sebagai "tidak masuk akal", menyeru ahli BN untuk menguburkan karier politik penasihat DAP itu dan menambah masyarakat Cina tempatan tidak akan menyokong Lim.

Lim kemudiannya mencabar Dr Mahathir untuk melawannya tetapi ditolak. Semenjak itu, akhbar milik MCA The Star telah melaporkan Ghani popular dikalangan pengundi dan sesuai untuk melawan ahli politik veteran DAP itu.

Walau bagaimanapun, difahamkan BN tidak memasukkan nama menteri besar kerajaan sementara Johor itu dalam senarai calon berikutan kemarahan masyarakat Melayu tempatan dengan peningkatan kos kehidupan akibat daripada wilayah ekonomi Iskandar Malaysia.

Pemimpin Umno berusia 67 tahun itu telah menjadi menteri besar selama empat penggal dan difahamkan, Pengerusi BN Datuk Seri Najib Razak mahu meletakkan "calon boleh menang" yang muda untuk mempertahankan negeri Umno itu.

Muhyiddin mengatakan, sesiapa pun yang bakal menjadi calon BN, gabungan tersebut akan melakukan yang terbaik untuk mempertahankan kerusi parlimen itu.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/bn-kaji-baik-buruk-letak-ghani-untuk-lawan-kit-siang/>